

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1. PENGENALAN

- 1.1. Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis PDPA**") ini menerangkan bagaimana data peribadi anda diproses oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("**MBI**", atau "**kami**") di dalam transaksi komersil, selaras dengan pematuhan terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Ia juga menjelaskan bagaimana MBI menghormati data peribadi setiap individu dan komited untuk melindungi data peribadi anda, selaras dengan peruntukan undang-undang data peribadi di Malaysia.
- 1.2. Notis PDPA ini menjelaskan bagaimana data peribadi yang relevan milik anda akan dikumpulkan, diproses dan/atau disimpan oleh kami dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa (yang telah ditakrifkan), termasuk maklumat yang diperolehi melalui borang pendaftaran, permohonan dan/atau pendaftaran seperti "google form" yang dibuat oleh anda untuk diserahkan kepada kami bersama apa-apa maklumat yang kami ada mengenai anda, termasuklah data peribadi sensitif. Bagi memenuhi keperluan Notis PDPA ini, terma "data peribadi", "data peribadi sensitif" dan "pemprosesan" mempunyai maksud yang sama di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 1.3. Kami hanya memproses Data Peribadi anda (selepas ini ditakrif) tertakluk kepada Akta Perlindungan Peribadi 2010 termasuklah mana-mana peraturan, garis panduan, perintah yang di dan mana-mana pindaan di dalam Akta dari masa ke semasa (selepas ini kesemuanya dirujuk sebagai "**Akta PDPA**"), termasuklah Notis PDPA ini.
- 1.4. MBI berhak, atas budi bicaranya, untuk menambah, mengubah, mengeluarkan, mengemaskini dan/atau meminda Notis PDPA ini dari semasa ke semasa dengan memberi maklumat diberikan terlebih dahulu kepada anda samada melalui emel atau WhatsApp atau lain-lain kaedah yang bersesuaian. Perubahan dan/atau pindaan kepada Notis PDPA ini akan berkuatkuasa serta-merta sebaik sahaja pindaan pada Notis PDPA ini dibuat. Dengan terus menggunakan perkhidmatan tersebut setelah perubahan dan/atau pindaan dibuat akan dianggap sebagai penerimaan mutlak oleh anda terhadap sebarang penambahan, pengubahan, pengeluaran, kemaskini dan/atau pindaan Notis PDPA tersebut.
- 1.5. Notis PDPA ini tidak terpakai kepada aktiviti dan/atau kaedah amalan pihak ketiga yang bukan di bawah milikan atau kawalan kami, termasuklah tetapi tidak terhad kepada laman web, perkhidmatan dan aplikasi pihak ketiga yang anda pilih untuk mengakses dan memuat turun melalui mana-mana laman web pihak ketiga selain daripada laman web milik MBI.

2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI

- 2.1 Terma "**Data Peribadi**" merujuk kepada apa-apa maklumat yang berada di bawah milikan atau kawalan kami yang berkait secara langsung atau tidak langsung seseorang individu tersebut sehingga mana individu tersebut boleh dikenalpasti daripada maklumat tersebut atau maklumat lain di bawah milikan kami yang mana ianya hendaklah merangkumi tanpa had kepada:

Nama, alamat, nombor telefon, tarikh lahir, gambar, alamat emel, maklumat isi rumah, nombor kad pengenalan/nombor pasport, nombor KWSP, nombor PERKESO, nombor cukai pendapatan, data majikan terdahulu, nombor akaun bank, nama dan alamat bank dan lain-lain maklumat yang anda berikan kepada MBI melalui dokumen-dokumen yang diperolehi melalui sumber-sumber di bawah.

- 2.2 Data Peribadi anda adalah diperolehi daripada anda, samada daripada sumber-sumber berikut (tetapi tidak terhad kepada):

Resume beserta sijil-sijil berkaitan pekerjaan, borang permohonan yang diserahkan melalui portal ‘*MBI STaR - MBI Selangor Talent Recruitment*’ di dalam laman web MBI atau secara tangan atau apa-apa borang yang berkaitan yang telah atau dikumpul, direkodkan, dipegang, disimpan, digunakan dan/atau diproses oleh kami dari semasa ke semasa dan setakat mana yang diperlukan atau bersesuaian untuk penggunaan kami tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Notis PDPA ini.

- 2.3 Dalam keadaan tertentu, Data Peribadi anda mungkin diperolehi daripada sumber-sumber luaran seperti, melalui semakan latar belakang/sumber penentusahan (persendirian atau swasta), atau daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan permohonan yang dibuat oleh anda kepada MBI.

- 2.4 Setakat yang diperlukan, Data Peribadi anda juga merangkumi maklumat peribadi yang sensitif seperti (tetapi tidak terhad kepada):

- a) bangsa;
- b) agama;
- c) kesihatan atau keadaan fizikal/mental;
- d) pandangan politik;
- e) rekod-rekod kesalahan jenayah
- f) bankrap/muflis.

3. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

- 3.1 Pengumpulan, pemprosesan dan/atau penyimpanan Data Peribadi anda termasuk apa-apa maklumat tambahan yang anda berikan kepada kami akan digunakan bagi tujuan-tujuan berikut:

- a) untuk menilai dan memproses permohonan kerja yang dibuat oleh anda melalui platform khas di dalam laman web rasmi MBI yang dikenali sebagai portal “Recruitment MBI” (“**Portal MBI**”), khusus kepada mana-mana individu yang ingin memohon pekerjaan di dalam MBI atau mana-mana permohonan pekerjaan yang diterima secara tangan oleh MBI; ;
- b) untuk tujuan pentadbiran dalaman;
- c) untuk tujuan tadbir urus korporat
- d) untuk segala tujuan lain yang berkaitan dengan atau yang bersampingan dengan kontrak perkhidmatan seperti:
 - i. penggajian;
 - ii. faedah-faedah perubatan;
 - iii. perlindungan insuran;
 - iv. faedah-faedah perkhidmatan yang berkaitan;
 - v. pengurusan prestasi;
 - vi. pelaksanaan penstrukturan;
 - vii. perkembangan kerjaya dan penempatan dan pengurusan kerja;
 - viii. tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan pekerjaan;
- e) untuk menjaga dan menambahbaik rekod simpanan dalaman;
- f) untuk tujuan audit, pengurusan audit dan keselamatan;
- g) untuk mengesan, menjalankan siasatan dan mengelakkan unsur penipuan atau aktiviti yang

- dilarang atau ditegah;
- h) untuk mematuhi apa-apa keperluan undang-undang dan pengawalseliaan yang digunapakai kepada MBI, dan membuat pendedahan selaras dengan keperluan mana-mana undang-undang, pengawalseliaan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling atau kod yang terpakai di Malaysia;
 - i) untuk melaksanakan atau mempertahankan hak kami dan anda dan untuk mematuhi kewajipan kami di bawah undang-undang, dan pengawalseliaan sedia ada; dan/atau
 - j) untuk apa-apa tujuan sah disisi undang-undang oleh MBI dan/atau mana-mana syarikat bersekutu MBI; dan/atau
 - k) untuk berkongsi Data Peribadi anda kepada juruaudit untuk tujuan audit dalaman dan perekodan.
 - l) untuk apa-apa tujuan sampingan yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di atas.

(secara kolektifnya dikenali sebagai “**Tujuan**” tersebut).

4. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

- 4.1 Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada MBI mungkin akan didedahkan untuk diproses dan digunakan oleh anak-anak syarikat, mana-mana syarikat berkaitan, pemegang berkepentingan, syarikat afiliasi, syarikat bersekutu, penerima lesen, kerajaan dan/atau agensi dan/atau jabatan separa kerajaan, badan berkanun, badan kerajaan dan/atau lain-lain pihak berkuasa, rakan kongsi strategik, penyedia perkhidmatan, penasihat profesional luar dan juruaudit, mana-mana pihak ketiga seperti, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang mungkin dikontrak oleh MBI seperti setiausaha syarikat, juruaudit luaran, agen percukaian, atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga bagi tujuan melaksanakan semakan rujukan, semakan latar belakang, carian kebangkrapan, rekod jenayah dan lain-lain (secara kolektifnya dikenali sebagai “**Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa**”) bagi tujuan sepertimana yang termaktub di Klausa 3 Notis PDPA ini.

5. KETEPATAN DATA PERIBADI ANDA

- 5.1 Anda adalah dengan ini memberi bukti dan mengisytiharkan bahawa Data Peribadi anda adalah tepat, tidak mengelirukan, dikemaskini dan lengkap bagi tujuan mendapatkan atau digunapakai ke atas produk yang sesuai, perkhidmatan dan/atau fasiliti, dan anda tidak menahan apa-apa Data Peribadi yang mungkin dianggap penting dan kami menganggap Data Peribadi yang diberikan oleh anda adalah tepat untuk diproses.
- 5.2 Anda dikehendaki dengan segera untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang kemaskini Data Peribadi anda sekiranya maklumat yang diberikan tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan, tidak dikemaskini atau terdapat perubahan yang mana ianya perlu dengan cara menghubungi kami sepertimana yang tertera di dalam Klausa 11 Notis ini. Adalah menjadi kewajipan bagi anda untuk memastikan ketepatan Data Peribadi anda bagi membolehkan kami memproses data tersebut bagi tujuan yang dinyatakan di dalam Notis PDPA ini.
- 5.3 Sekiranya anda tidak bersetuju untuk memberikan kebenaran tersebut, MBI tidak dapat memproses Data Peribadi tersebut sepertimana yang anda mohon dan/atau minta berkenaan dengan Tujuan yang dinyatakan di atas.

6. HAK ANDA UNTUK MENGAKSES DAN PEMBETULAN

- 6.1 Hak anda untuk mendapatkan akses, mengemaskini, memperbetulkan atau mengeluarkan Data Peribadi anda adalah tertakluk kepada pengecualian di bawah PDPA dan/atau mana-mana undang-undang dan pengawalseliaan berkaitan. Walaubagaimanapun, kami mempunyai hak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau memperbetulkan Data Peribadi anda selagi mana alasan tersebut dibenarkan oleh undang-undang.
- 6.2 Anda mempunyai hak pada bila-bila masa untuk mengehadkan proses dan penggunaan Data Peribadi anda (sebagai contoh, meminta kami untuk tidak lagi menghantar apa-apa material bagi tujuan pemasaran dan promosi) oleh kami atau mana-mana Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distress kepada diri anda.

7. PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA

- 7.1. MBI akan menyimpan Data Peribadi anda selaras dengan pematuhan Notis PDPA ini bagi tempoh yang perlu untuk bagi membolehkan kami menjalankan mana-mana Tujuan tersebut dan selagi mana menurut kepada pematuhan undang-undang dan/atau menurut kepada pematuhan terhadap Notis PDPA ini.

8. KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA

- 8.1. Kami akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk melindungi dan menyimpan Data Peribadi anda. Kami tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab daripada sebarang akses yang tidak dibenarkan atau dipintas atau kehilangan Data Peribadi yang berada diluar kawalan kami.
- 8.2. Nama pengguna dan kata laluan adalah penting untuk anda menggunakan Portal MBI tersebut di laman web kami untuk Tujuan yang dinyatakan di atas. Kami juga akan memastikan agar langkah-langkah munasabah diambil oleh Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa bagi Tujuan di atas bagi melindungi dan/atau mengekalkan kerahsiaan maklumat anda yang mungkin kami dedahkan kepada mereka.

9. PEMINDAHAN DATA PERIBADI ANDA

- 9.1. Kami mungkin akan memindahkan Data Peribadi anda bagi tujuan sepertimana yang termaktub di dalam Klausa 3 Notis PDPA ini kepada penyedia produk dan/atau perkhidmatan pihak ketiga sepertimana yang diperuntukkan di dalam Klausa 4 Notis PDPA ini, di dalam Malaysia. Kami akan memastikan untuk mengambil langkah bersesuaian untuk memastikan Data Peribadi anda tidak digunakan untuk apa jua tujuan selain daripada yang dinyatakan di Notis PDPA ini dan kami juga akan melindungi kerahsiaan dan privasi Data Peribadi anda.

10. DATA PERIBADI DARIPADA INDIVIDU BAWAH UMUR DAN INDIVIDU LAIN (SEKIRANYA TERGUNAPAKAI)

- 10.1. Setakat mana maklumat berkenaan Data Peribadi anda yang telah (atau akan) diberikan kepada kami berkenaan dengan keluarga, pasangan dan/atau penjaga, anda adalah dengan ini mengesahkan bahawa anda telah memaklumkan kepada mereka terlebih dahulu berkenaan Data Peribadi mereka untuk diberikan, diproses dan disimpan oleh kami, dan anda mengaku janji dan memberi representasi bahawa anda telah mendapatkan kebenaran daripada mereka bahawa Data Peribadi mereka akan diproses termasuklah didedahkan dan dipindahkan, tertakluk kepada Notis PDPA ini.

11. MAKLUMAT KONTAK

- 11.1. Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan, pertanyaan berkenaan dengan Notis PDPA ini, atau sebarang aduan mengenai akses atau pembetulan kepada Data Peribadi anda, anda boleh mendapatkan borang daripada Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran MBI melalui butiran yang tertera seperti berikut:

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

Level 24, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Emel: hr@mbiselangor.com.my
No. Telefon: 03-5513 8898
No. Faks: 03-5510 0759

12. PERCANGGAHAN

- 12.1. Sekiranya terdapat percanggahan diantara Notis PDPA versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Malaysia akan mengatasi versi Bahasa Inggeris.

PENGAKUAN DAN PENERIMAAN

1. Saya adalah dengan ini telah membaca dan memahami kandungan di dalam Notis PDPA ini dan membenarkan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan (“**MBI**”) untuk mengumpul, memproses dan/atau menyimpan Data Peribadi saya (sepertimana yang ditafsirkan di dalam Notis PDPA) termasuklah data peribadi sensitif bagi Tujuan yang dinyatakan di Klausa 3 Notis PDPA di atas dan kaedah bagaimana data tersebut disimpan, digunakan, dipindahkan, didedahkan dan/atau disimpan; selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Peribadi 2010 (“**Akta PDPA**”). Saya telah diberikan Notis PDPA tersebut dan telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut.
2. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya mempunyai hak untuk mendapatkan akses, mengemaskini, membetulkan dan/atau mengeluarkan Data Peribadi saya; tertakluk kepada pengecualian yang diberikan di dalam Akta PDPA dan/atau mana-mana undang-undang atau peraturan sedia ada. Walaubagaimanapun, saya memahami bahawa, sekiranya, di dalam situasi khas, hak untuk mendapatkan akses telah ditolak untuk tujuan yang sah, alasan tersebut dan remedi yang bersesuaian akan diberikan kepada saya.
3. Saya dengan ini membenarkan MBI untuk mendedahkan Data Peribadi saya, termasuklah data peribadi sensitif saya seperti rekod pekerjaan, gaji bulanan atau tahunan, maklumat kredit dan debit seperti penyata bank kepada mana-mana Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa (sepertimana yang ditafsirkan di dalam Notis PDPA) sepertimana yang dinyatakan di dalam Notis PDPA dan tertakluk kepada Akta PDPA.
4. Di dalam keadaan dimana saya telah menyediakan Data Peribadi berkenaan dengan pihak ketiga; (misalnya keluarga, suami/isteri, tanggungan dan sebagainya), saya mengakujaji dan memberi representasi bahawa saya mempunyai kebenaran atau berhak untuk memberikan maklumat tersebut kepada MBI untuk bertindak bagi pihak mereka. Saya akan mengindemniti MBI sekiranya MBI mengalami sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan kegagalan saya untuk mematuhi perkara ini.
5. Saya telah membaca dan bersetuju untuk membenarkan Data Peribadi saya digunakan, diproses, didedahkan dan dipindahkan oleh MBI; sepertimana yang dinyatakan di dalam Notis PDPA ini. Sekiranya saya ingin menarik semula kebenaran saya untuk pemprosesan lanjut Data Peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada MBI pada kadar segera.